

3757/2  
EKONOMI ASAS  
Kertas 2  
2016  
2 jam

Nama : .....

Tingkatan : .....



## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

### PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN SPM 2016

---

#### EKONOMI ASAS TINGKATAN 5

Kertas 2  
Masa: 2 Jam

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan di Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di atas kertas jawapan*
4. *Anda dinasihatkan mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan di Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab di Bahagian B*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda ingin menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

**BAHAGIAN A**

[75 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja**SOALAN 1**

- a. Gambar yang berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.



Gambar 1

- i. Kenal pasti sumber ekonomi tersebut (1 Markah)
- ii. Terangkan **tiga** sumber ekonomi selain daripada sumber 1a (i) di atas. (6 Markah)
- b. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Permata Biru Sdn Bhd.

*Syarikat Permata Biru Sdn Bhd berhasrat mengeluarkan komputer dan telefon bimbit. Namun begitu syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi. Oleh itu syarikat hanya mengeluarkan telefon bimbit sahaja.*

Bagaimana syarikat itu menyelesaikan masalah tersebut (5 Markah)

- c. Berikut adalah maklumat tentang Negara A dan Negara B.

Negara A	Negara B
Segala keputusan dibuat oleh sebuah badan peracangan pusat yang dilantik oleh kerajaan.	Di Negara ini pengguna dianggap sebagai raja dan pengeluar bebas membuat keputusan tanpa campur tangan kerajaan.

- i. Bezakan ciri-ciri lain kedua-dua sistem ekonomi tersebut. (5 Markah)
- d. Berikut adalah maklumat mengenai En Shahrul.


*En Shahrul berkelulusan Ijazah Sarjana Muda perakaunan tinggal di Kota Bharu Kelantan. Selepas beliau tamat belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia beliau bekerja sebagai pegawai bank di Melaka dengan gaji RM 3000. Beliau telah membuat keputusan bertukar kerja sebagai juruaudit di firma Liew & Chou di bandar Kota Bharu dengan gaji RM 2500 sebulan.*

Anda berpendapat Encik Sharul membuat keputusan yang tepat. Beri ulasan. (4 Markah)

- e. Maklumat dibawah menunjukkan barang yang digunakan dalam kehidupan.



**Barang 1**



**Barang 2**



**Barang 3**

- i. Pilih satu barang keperluan (1 Markah)
- ii. Mengapa barang tersebut dipilih (3 Markah)

## SOALAN 2

- a. Jadual 1 di bawah menunjukkan pendapatan, perbelanjaan dan potongan wajib Encik Roshan bagi tempoh satu bulan

Butiran	RM
Gaji	300
Zakat	100
KWSP	330
Elaun	200
Faedah	100
Cukai Pendapatan	150
Untung	350

Jadual 1

- a. Hitungkan pendapatan boleh guna (5 Markah)
- b. Jelaskan **tiga** kepentingan belanjawan (4 Markah)

Jadual 2 menunjukkan permintaan terhadap suatu barang

Harga (RM)	Kuantiti (Unit)
1	40
2	20
3	10

Jadual 2

- (i) Lukis keluk permintaan barang tersebut. (3 Markah)
- (ii) Jelaskan hukum permintaan berdasarkan keluk permintaan di atas (3 Markah)
- e. Bezakan perubahan permintaan dan perubahan dalam kuantiti diminta (4 Markah)

### SOALAN 3.

a. Jadual 1 menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Jum Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Sut (RM)	Kos Purata (RM)
0	20	-	-
1	38	18	38
2	48	10	24
3	63	15	21
4	88	25	22
5	115	X	23
6	146	31	24.3

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai X? (1 Markah)
- (ii) Jelaskan hubungan antara output dengan kos purata dan kos sut pada tingkat output berikut:
- a- Output 0 – 2 unit (3 Markah)
- b- Output 2 – 3 unit (3 Markah)

- b. Setujukah anda hanya peningkatan harga barang itu sendiri yang akan menyebabkan pertambahan penawaran? Kemukakan alasan anda. (4 Markah)

- c. Jadual 2 menunjukkan % perubahan harga bagi barang A dan % perubahan kuantiti diminta

% perubahan harga	% perubahan kuantiti diminta
20	40

Jadual 2

- (i) Kira keanjalan harga permintaan bagi barang A. (2 Markah)

- (ii) Wajarkah pengeluar menurunkan harga barang tersebut bagi memaksimumkan hasil?  
Beri dua alasan. (3 Markah)

- d. Jelaskan konsep pasaran (2 Markah)

- e. Jadual 3 menunjukkan kuantiti oleh dua individu terhadap suatu barang.


Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	
	Qistina	Balqis
20	12	16
30	8	12
40	4	8

Jadual 3

Lukiskan pembentukan keluk permintaan pasaran di atas (7 Markah)

#### SOALAN 4

- a. Rajah 1 menunjukkan keseimbangan pasaran beg tangan.



Rajah 1

- (i) Pada tingkat harga RM40, berapakah kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran? (2 Markah)

- (ii) Jelaskan keadaan pasaran pada tingkat harga RM20. (2 Markah)
- (iii) Huraikan keadaan pasaran pada titik E. (2 Markah)
- b. Selain wang kertas, huraikan jenis wang yang terdapat dalam ekonomi (6 Markah)
- c. Maklumat berikut berkaitan dengan deposit.

Encik Hashim mempunyai wang sebanyak RM10 000. Dia menabung wangnya dalam deposit tetap di CIMB Bank cawangan Pasir Mas.

Adakah anda bersetuju dengan jenis deposit yang dipilih oleh Encik Ammar? Beri **tiga** alasan. (4 Markah)

- d. Bandingkan perkhidmatan kemudahan pembayaran debit langsung dengan pindahan kredit yang disediakan oleh institusi kewangan bank (4Markah )
- e. Maklumat berikut berkaitan dengan syarat pinjaman sewa beli bank perdagangan untuk mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi.

Syarat pinjaman	Januari 2015	Julai 2015
Pinjaman maksimum	90 %	85 %
Tempoh bayaran balik	9 tahun	8 tahun

- (i) Apakah keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut? (1 Markah)
- (ii) Mengapakah anda bersetuju dengan perubahan syarat pinjaman yang telah dilakukan pada Julai 2015? (4 Markah)

5. (a) Logo di bawah menunjukkan sebuah intitusi kewangan bukan bank



Bagaimana intitusi kewangan tersebut dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. (5 markah)

- (b) Jadual di bawah menunjukkan anggaran hasil kerajaan

Sumber Hasil	RM juta
Cukai pendapatan individu	11,735
Duti eksport	1,156
Lesen dan Permit	5,708
Duti Import	3,513
Cukai pendapatan Syarikat	23,990
Duti eksais	5,031
Cukai pendapatan petroleum	8,460

- i) Hitung jumlah hasil bagi cukai tidak langsung. (2 markah)  
ii) Bezakan antara cukai langsung dan cukai tidak langsung (4 markah)

(c) Berikut adalah anggaran bajet bagi tahun 2016

<b>HASIL</b>		<b>PERBELANJAAN</b>	
Cukai langsung	125,450	Mengurus	49,862
Cukai Tak langsung	58,084	Pembangunan	215,361
Hasil bukan Cukai	42,170		

- i) Nyatakan jenis bajet di atas. Beri alasan (3 markah)  
ii) Bagaimana kerajaan mengatasi masalah tersebut. (1 markah)  
iii) Mengapa kerajaan perlu berbuat demikian. (5 markah)
- (d) Mengapa kerajaan cenderung untuk meminjam dari sumber dalam negeri berbanding dengan sumber luar negara. (5 markah)

**Bahagian B**

[ 25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.**6**

Pengasas Pagoma Qu Puteh, Datuk Sri Diva merupakan seorang usahawan yang berjaya dalam bidang kosmetik. Bermula dengan kerjayanya sebagai seorang guru, beliau mula mengumpul modal dan bertekad untuk meletak jawatan sebagai guru untuk menjadi seorang usahawan kosmetik. Sikapnya yang tidak pernah berputus asa telah berjaya menobatkan dirinya sebaris dengan ahli perniagaan yang bertaraf jutawan.

Pada awal tahun 2016, beliau cuba mengembangkan perniagaannya dengan menceburi bidang bolasepak, iaitu dengan menaja pasukan bola sepak Kelantan “The Red Warriors”. Matlamat beliau agar produknya bukan sahaja dikenali di Malaysia, bahkan di rantau Asia sekiranya pasukan bola sepak Kelantan dapat bersaing dalam kejohanan Piala Asia. Ini secara tidak langsung akan meluaskan pasarannya dan meningkatkan permintaan produknya dan seterusnya dapat meningkatkan keuntungan syarikatnya.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan produknya, beliau bercadang untuk membina hotel bertaraf 6 bintang berhampiran stadium ataupun ingin membina kilang untuk megeluarkan peralatan sukan. Bagaimanapun ianya masih lagi dalam peringkat perbincangan dalam menyelesaikan masalah ekonominya.

Baru-baru ini beliau dikejutkan dengan masalah produknya yang didakwa mengandungi bahan merkuri melebihi had yang dibenarkan dan tidak mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Ekoran daripada itu, produknya terpaksa disita dan tidak dibenarkan berada dalam pasaran.

Berdasarkan situasi di atas jawab soalan berikut :

- (a) Mengapa Datuk Sri Diva meletakkan jawatan sebagai guru dan menceburi bidang usahawan kosmetik [4 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri yang dimiliki oleh Datuk Sri Diva sehingga beliau boleh menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya. [4 markah]
- (c) Terangkan **tiga** faktor lain yang dapat meningkatkan lagi produknya. [6 markah]
- (d) Bagaimana Datuk Sri Diva menyelesaikan masalah ekonominya. [5 markah]
- (e) Jelaskan kesan daripada produknya yang terpaksa disita dan tidak dibenarkan berada di pasaran kepada:
  - (i) pengguna [2 markah]

**SULIT**

(ii) Syarikat Datuk Sri Diva

3757/2

[2 markah]

(iii) Kerajaan

[2 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**